

PAS Selangor dakwa kain rentang dan palsu dinaikkan untuk melagakan Pakatan Malaysian Insider
April 8, 2013
Oleh Md Izwan

SHAH ALAM, 8 April — Kain rentang dan risalah-risalah palsu bertujuan untuk melagakan parti dalam Pakatan Rakyat (PR) telah dipasang dan diedarkan hampir ke seluruh negeri Selangor, dakwa PAS negeri hari ini.

Timbalan Yang Dipertua PAS Selangor, Khalid Samad dalam satu sidang media di pejabatnya di sini berkata kain rentang dan risalah mula dikesan sejak minggu lepas, malah petugas PAS juga berjaya menangkap sekumpulan empat pemuda memasang dan mengedarkan risalah di Semenyih.

"PAS Selangor telah mengesan ada pihak tertentu yang kami syaki Umno telah membuat kerja jahat apabila memasang kain rentang dan risalah bertujuan untuk melaga-lagakan parti komponen dalam Pakatan Rakyat.

"Petugas kami juga telah berjaya menangkap empat pemuda yang sedang memasang kain rentang dan membawa mereka ke balai polis Semenyih," kata Khalid.

Dalam sidang media tersebut juga, Khalid mendedahkan kain rentang yang dipasang yang antaranya mengatakan Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang sebagai calon perdana menteri manakala satu lagi banner dengan gambar Penasihat DAP Lim Kit Siang adalah sebagai calon perdana menteri.

Kain-kain rentang tersebut juga tertulis slogan seperti "We promise you a new Malaysian Malaysia", "We support Anwar for prime minister" dan juga slogan-slogan tentang undang-undang Islam "Hudud".

"Daripada rampasan dan soal-siasat dengan empat pemuda yang memasang kain rentang tersebut, kami menemui sekeping kertas senarai kawasan ia akan dipasang... sebanyak 96 kawasan yang disenaraikan oleh mereka untuk memasang kain rentang tersebut," ujar Khalid lagi.

"Dengan perkembangan terbaru ini, jelas membuktikan Umno dan Barisan Nasional terdesak melakukan apa sahaja untuk menumbangkan Pakatan di Selangor termasuk menggunakan strategi memfitnah dan provokasi."

Disamping itu, Khalid juga menggesa nazir-nazir di surau ataupun masjid untuk membantu dalam menyampaikan maklumat dan menyekat sekiranya terdapat risalah-risalah fitnah serta provokasi yang diedarkan kepada orang ramai.

Kain rentang dan risalah menjadi senjata baru untuk menentang PR di Selangor terutamanya tentang calon siapa yang layak untuk memimpin gabungan tersebut yang terdiri daripada PAS, DAP dan PKR jika mencapai kemenangan pada Pilihan Raya 2013.

Walaupun bagaimanapun, pemimpin utama daripada gabungan pembangkang tersebut telah tampil ke depan dan sebulat suara menyuarakan sokongan mereka kepada Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga merupakan pemimpin de facto PKR itu sebagai pilihan PM mereka.

Pada Pilihan Raya 2008 bersejarah yang lalu, BN tumbang di negeri Selangor dan tiga yang lain Perak, Kedah dan Pulau Pinang yang menyaksikan pembangkang menawan 82 kerusi pusat bagi menafikan majoriti tradisional dua pertiga kerajaan di parlimen.

Fokus terarah kepada Selangor, yang dikatakan nadi kepada kepesatan ekonomi dan pentadbiran PR dibawah Menteri Besar sepenggal Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim yang didakwa oleh BN gagal mempamerkan prestasi baik untuk mengekalkan sokongan seperti pada tahun 2008 lalu.

PR ketika ini mempunyai penguasaan yang ketara keatas negeri terkaya tersebut dan memegang 36 kerusi daripada 56 kerusi dewan undangan negeri serta 17 daripada 22 kerusi parlimen.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-selangor-dakwa-kain-rentang-dan-palsu-dinaikkan-untuk-melagakan-pakatan/>